

Khamis, 5 September 2019 | 6:15pm



**MENTERI** Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Saifuddin Nasution Ismail ketika temubual, di Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), di Putrajaya. - Foto Nurul Shafina Jemenon

## Muslim World Biz platform kukuh ekonomi Islam

Oleh Nora Mahpar  
noramahpar@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia menjadi contoh kejayaan dari semua aspek ekonomi walaupun berdepan pelbagai ketidaktentuan dalam dan luar negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kerajaan berjaya membina dan membangunkan infrastruktur yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi berdasarkan peningkatan modal insan dan menarik pelaburan langsung asing (FDI).

"Walaupun bangga dengan pencapaian ini, kami (kerajaan) komited untuk meneruskan usaha untuk membangunkan negara dan membantu negara lain terutama negara anggota Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), bagi mencapai kejayaan yang sama.

"Inilah sebabnya mengapa kerajaan menyokong (acara) Muslim World Biz. Kami percaya kejayaan Malaysia mampu diikuti oleh negara lain dan bersedia untuk membantu mereka, malah Malaysia juga boleh memanfaatkan pengalaman negara lain menerusi penyertaan di persidangan ini," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan dan Pameran Zon Pelaburan & Perniagaan Muslim World Biz Ke-9 di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Muslim World Biz, Muhammed Raja Talib Raja Mohamad Abdullah.

Acara itu bertema 'Menerajui Pertumbuhan Ekonomi Mapan'.

Mengulas mengenai acara tiga hari itu, Saifuddin Nasution berkata, Muslim World BIZ menjadi platform tahunan untuk ahli perniagaan bertukar-tukar pandangan, produk dan perkhidmatan.

"Ia platform untuk mengukuhkan ekonomi Islam dengan memanfaatkan penyertaan 57 negara anggota OIC bagi manfaat negara Islam dan bukan Islam.

"Muslim World Biz juga menjadi ejen penghubung dalam berkongsi kepakaran dan pengalaman antara negara peserta serta mencerminkan kerjasama sebenar demi kebangkitan Ummah walaupun berbeza budaya, etnik dan bangsa," katanya.

Sementara itu, Raja Talib berkata, antara matlamat utama Muslim World Biz adalah meningkatkan dagangan antara negara OIC kepada 25 peratus daripada jumlah dagangan OIC menjelang 2025.

"Bagi mencapai matlamat ini, kita bekerjasama rapat dengan Islamic Centre for the Development of Trade (ICDT) untuk mengukuhkan angka berkenaan," katanya.

Pada 2016, Program Tindakan OIC, sumbangan terbesar kepada dagangan antara negara anggota dari negara Teluk sebanyak 39 peratus diikuti negara Asia dengan 28 peratus.

